U 8573 BAH
PARLIMEN - MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 6 DIS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MALAM INI BERKATA PENDAFTAR PERTUBUHAN TELAH MENGAMBIL TINDAKAN YANG BETUL MEMBATALKAN PENDAFTARAN UMNO SEJAJAR DENGAN KEPUTUSAN MAHKAMAH BAHAWA PARTI ITU SUDAH TIDAK SAH.

OLEH ITU JIKA BELIAU YANG JUGA MENTERI DALAM NEGERI MEMBUAT ARAHAN YANG BERTENTANGAN DENGAN KEPUTUSAN MAHKAMAH, BERMAKNALAH BELIAU TIDAK MENGHORMATI KEPUTUSAN MAHKAMAH, KATANYA DI DEWAN RAKYAT.

BELIAU MEMBUAT PENJELASAN ITU KETIKA TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA MENYAMPAIKAN UCAPAN MENGENAI USUL TENGKU RAZALEIGH HAMZAH (BEBAS-GUA MUSANG) BAGI MEMBOLEHKAN RANG UNDANG-UNDANG PERSENDIRIAN DIKEMUKAKAN UNTUK MEMINDA AKTA PERTUBUHAN 1966.

(DEWAN KEMUDIAN MENOLAK USUL ITU DENGAN 108 UNDI MENOLAK DAN 33 UNDI MENYOKONG).

BELIAU BERKATA SESEORANG MENTERI, SEKALIPUN BERKUASA, TIDAK BERMAKNA BELIAU BOLEH MENGGUNAKAN KUASA ITU SESUKA HATI. --LAGI
2226MST 06 12 88

R 8574 BAH
PARLIMEN - MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR (ULANGAN MEMBETULKAN PARA EMPAT)

+KALAU SESUATU PERBUATAN ITU ADALAH SUATU PERBUATAN YANG SALAH, MAKA DAPATLAH MENTERI MENGARAHKAN SUPAYA IA DIPERBETULKAN.

+SAYA TIDAK MEMPUNYAI SEBAB MENGAPA BOLEH MENOLAK KEPUTUSAN MAHKAMAH YANG DIBUAT ATAS PERMINTAAN DAN TINDAKAN +KUMPULAN 11+ YANG DISOKONG OLEH ORANG TERTENTU,+ KATA BELIAU.

KATANYA, PENDAFTAR BERHAK MENGIKUT KEHENDAK UNDANG-UNDANG SERTA KEPUTUSAN MAHKAMAH MEMANSUHKAN PENDAFTARAN UMNO.

SEMENTARA ITU, ENCIK GHAFAR BERKATA OLEH KERANA PENDAFTARAN YANG ASAL BAGI UMNO TELAH DIBATALKAN, MAKA IA TIDAK BOLEH DIHIDUPKAN SEMULA KERANA USUL BERKENAAN TIADA ADA PERUNTUKAN YANG BOLEH MENGARAHKAN PENDAFTAR SUPAYA MEMBATALKAN UMNO YANG ADA HARI INI.

+PENDAFTAR TAK DAPAT MENGHARAMKAN SESEBUAH PARTI YANG DIDAFTARKAN SECARA SAH DI SISI UNDANG-UNDANG,+ KATANYA. -- LAGI
0006MST 07 12 88

R 0577 DAH
PARLIMEN - MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

ENCIK GHAFAR BERKATA UMNO BOLEH DIHARAMKAN SEMASA TUNKU ABDUL RAHMAN MENERAJUINYA LAGI, SEKIRANYA TERDAPAT +ORANG+ PADA MASA ITU BERSIKAP SEPERTI +KUMPULAN 11+.

MENURUTNYA, KUMPULAN ITU SUDAH TERLEBIH DAHULU MENGETAHUI BAHAWA ADANYA CAWANGAN-CAWANGAN UMNO YANG TIDAK BERDAFTAR SEBELUM PERHIMPUNAN AGUNG UMNO APRIL TAHUN LEPAS, TETAPI MEREKA TIDAKPUN MEMBERITAHU PENGERUSI PERHIMPUNAN SUPAYA SEGERA MEMBETULKAN KEADAAN.

BELIAU YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN PARTI BERKATA, DALAM MESYUARAT-MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI YANG DIADAKAN SEBELUM PERHIMPUNAN AGUNG, TIDAK SEORANGPUN ANGGOTA MT YANG MEMBANGKITKAN SOAL CAWANGAN PARTI YANG TIDAK BERDAFTAR.

MALAHAN PERDANA MENTERI TELAH MENGADAKAN TIGA KALI MESYUARAT MT DALAM SEBULAN IAITU SEBELUM PERHIMPUNAN AGUNG BERKENAAN, SEMATA-MATA UNTUK MEMASTIKAN IA AKAN BERJALAN LANCAR DAN SEMPURNA.

BAGIMANAPUN, KATANYA, SELEPAS PERHIMPUNAN AGUNG MAKA WUJUD KEADAAN ANDAIKATA +RUMAH SUDAH PAHAT PUN BERBUNYI.+ -- LAGI
0000MST 07 12 88

U 0579 DAH
PARLIMEN - MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

MENGENAI PENTADBIRAN UMNO, BELIAU BERKATA IA MERUPAKAN YANG TERBAIK BERBANDING DENGAN PENTADBIRAN PARTI-PARTI LAIN, MALAH PERDANA MENTERI SINGAPURA, ENCIK LEE KUAN YEW PERNAH MENYIFATKAN PENTADBIRAN UMNO YANG PALING KUKUH DAN BERSIH.

MENGENAI SEMANGAT 46, BELIAU BERKATA IA BERMAKSUD BERKORBAN SEMATA-MATA UNTUK PARTI, BANGSA DAN AGAMA DAN IA TIDAK SEKALI-KALI MEMPUNYAI TUJUAN UNTUK MEREBUT KUASA PARTI ATAU KERAJAAN.

+SEMANGAT 46 ADALAH SEMANGAT PERSAHABATAN, SEMANGAT KERJA UNTUK MENCAPAI KEJAYAAN,+ KATANYA.

OLEH ITU BELIAU MENGAJAK MEREKA YANG BERKENAAN SUPAYA MELUPAKAN SEGALA PERISTIWA LAMA DAN KEMBALI BERPADU TENAGA.

+SAYA BERSEDIA BERJABAT TANGAN KERANA JIKA DITERUSKAN (PERBALAHAN), IA TIDAK AKAN MEMBERI MANFAAT.+. -- BERNAMA
2255MST 06 12 88